



BAHAGIAN PINJAMAN PERUMAHAN (BPP)
PERBENDAHARAAN MALAYSIA
NO 9, KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
PERSIARAN PERDANA, PERSINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62592 PUTRAJAYA



PERATURAN BAYARAN TEBUSAN HUTANG BANK YANG MELIBATKAN WANG BEZA ANTARA HARGA HARTANAH DENGAN JUMLAH PINJAMAN YANG DILULUSKAN

PERINGATAN

Kepada Semua Peminjam, Peguam dan Pemaju yang dihormati,

Peraturan pengeluaran bayaran pinjaman di para 13.1(g) Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 1995 yang berkuatkuasa mulai 15 Jun 1995 mensyaratkan bahawa jika hartanah yang dibeli terikat dengan kepentingan berdaftar (hartanah dicagarkan kepada bank yang perlu diselesaikan baki hutangnya) dan wujud wang beza iaitu perbezaan antara harga hartanah dengan amaun pinjaman yang diluluskan maka wang beza itu hendaklah digunakan sepenuhnya untuk menjelaskan baki hutang bank berkenaan. Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan (BPP) hanya akan mengeluarkan bayaran untuk mencukupkan bayaran hutang bank tersebut sekiranya masih berbaki.

Peraturan ini telah dikuatkuasakan semula mulai 1 Julai 2009 dan penguatkuasaan tersebut telah dihebahkan kepada semua melalui laman web BPP. Sehubungan dengan itu semua peminjam, peguam dan pemaju hendaklah memberi perhatian dan mematuhi peraturan ini. BPP tidak akan melayan sebarang rayuan sekiranya peraturan ini tidak dipatuhi.

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai peraturan ini boleh dilayari melalui laman web <http://bpp.treasury.gov.my>

Sekian, dimaklumkan.

Setiausaha,
Bahagian Pinjaman Perumahan
Perbendaharaan Malaysia
12 Oktober 2009